

23/12/1999

Perancis pertingkat hubungan dua hala

Azman Abdul Hamid; Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Rabu - Perancis menganggap banyak lagi perkara yang perlu dilakukan untuk mengambil peluang daripada hubungan dua hala antara kedua-dua negara, kata Dutanya Xavier Driencourt.

Walaupun hubungan dua hala Malaysia-Perancis adalah baik ketika ini, khususnya di peringkat tertinggi, ia masih boleh dipertingkatkan terutama dalam sektor teknikal, pendidikan dan automotif.

"Kami boleh melakukan lebih baik," katanya merujuk kepada pelaburan Perancis di Malaysia. Menurut laporan yang memetik data 1998, pelaburan Perancis di Malaysia bernilai RM202 juta.

Beliau menyifatkan faktor sejarah sebagai sebab utama menyekat pembabitan Perancis secara lebih luas di Malaysia.

"Mungkin kerana kami lebih mengenali negara Indochina hingga mengetepikan negara bekas jajahan Britain. Jadi, Perancis sebenarnya baru mengenali Malaysia. Sebab itu saya katakan kami akan berusaha lebih giat lagi," katanya.

Selain itu, kedua-dua negara sependapat dalam soal politik dan antarabangsa yang mana Paris dan Kuala Lumpur berkecuali mengenai draf baru ketetapan isu Iraq di Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Dasar (luar) Perancis dan Malaysia ada persamaan, umpamanya dalam isu Iraq yang menyaksikan kedua-dua negara bersetuju untuk tidak mengundi," kata Driencourt yang ditemui di pejabatnya, semalam.

Russia dan China juga tidak mengundi berhubung draf resolusi memberi kuasa melanjutkan program minyak bagi makanan kepada Iraq selama seminggu pada awal Disember lalu.

Wakil Tetap Malaysia ke PBB, Hasmy Agam berkata, lanjutan itu tidak memenuhi sebarang tujuan praktikal kecuali sekadar memberi Pejabat bagi Program Iraq itu ruang untuk menyelesaikan beberapa permohonan tertangguh dan meletakkan `tekanan' terhadap sesetengah daripada lima wakil tetap Majlis Keselamatan.

Malaysia adalah anggota tidak tetap Majlis Keselamatan, bersama-sama sembilan negara lain. Lima anggota tetap ialah Britain, China, Perancis, Russia dan Amerika Syarikat.

Mengikut program minyak bagi makanan bermula akhir 1996, Baghdad dibenarkan mengeksport minyak bernilai AS\$5.2 bilion (RM19.76 bilion) setiap enam bulan sebagai tukaran kepada makanan dan perubatan yang amat diperlukan.

Secara tidak langsung, hubungan dua hala semakin baik kerana kedua-dua negara sehaluan dalam arena antarabangsa, katanya.

"Meskipun pemimpin dua negara mempunyai cara berbeza menyampaikan pandangan mengenai isu antarabangsa, mesejnya sama saja," katanya.

Beliau memberi contoh ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Singapura sempena Forum Ekonomi Dunia (WEF) Davos, Oktober lalu.

"Dr Mahathir berterus-terang dan lantang ketika menyampaikan pandangannya. Perancis juga memberi pandangan tetapi dengan cara berbeza. Tetapi, mesejnya sama saja," katanya.

Dr Mahathir membincangkan sebab-sebab Malaysia memperkenalkan sistem kawalan modal terpilih dan mengulangi gesaan supaya kerangka ekonomi dunia dirombak supaya krisis kewangan seperti yang melanda Asia tidak berulang.

Pemimpin Perancis sebelum ini pernah menyatakan sokongan kepada cadangan Malaysia mengenai perlunya langkah unik diambil untuk mengelakkan krisis

ekonomi berlaku dan menyokong saranan Dr Mahathir mengenai pembentukan Tabung Ekonomi Asia Timur (EAMF).

Paris juga pernah menyatakan sokongan kepada cadangan Dr Mahathir mengenai pembentukan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC).

(END)